Utusan Borneo: 21 November 2026

Lelaki kena dua bulan kerana curi coklat dan bir di pasar raya

KUCHING: Mahkamah Majistret semalam menjatuhkan hukuman penjara dua bulan terhadap seorang lelaki yang mengaku bersalah mencuri empat peket coklat dan tiga tin bir di sebuah pasar raya besar di Jalan Matang, Petra Jaya di sini.

Majistret Leona Dominic Mojiliu memerintahkan hukuman penjara ke atas Mohamad Aiman Aqil Julaihi, 25, untuk dikuatkuasakan mulai dari tarikh tangkap iaitu pada 18 November lalu.

Mohamad Aiman yang dituduh mengikut Seksyen 380 Kanun Keseksaan melakukan kesalahan itu sekitar jam 9.15 malam di pasar raya terbabit pada 17 November 2026.

Berdasarkan keterangan kes, seorang pegawal keselamatan (pengadu) ternampak Mohamad Aiman yang berada dalam keadaan mencurigakan dan mengambil beberapa barangan milik pasar raya tersebut.

Pengadu seterusnya mengekori Mohamad Aiman dan mendapati dia tidak membuat sebarang pembayaran di kaunter, malah melarikan diri sehingga gagal dikesan.

Bagaimanapun, pengadu terserempak dengan Mohamad Aiman setelah dia ditahan oleh tiga pengawal keselamatan lain susulan disyaki mengintai dan merakam seorang perempuan yang berada di tandas.



KE PENJARA: Mohamad Aiman (kanan) diiringi polis ketika berada di lobi Mahkamah Kuching, semalam.

Hasil pemeriksaan terhadap Mohamad Aiman kemudian membawa kepada penemuan dua peket coklat berharga RM8.70 setiap satu, dua peket coklat (RM7.20 setiap satu) dan tiga tin bir (RM8.90 setiap satu).

Berikutan itu, laporan polis dibuat dan Mohamad Aiman diserahkan kepada polis untuk ditangkap semua beberapa jam kemudian iaitu sekitar jam 12.10 tengah malam pada 18 November 2026.

Kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Abdurrahman Abrar Jarni, manakala Mohamad Aiman tidak diwakili peguam.